

Parti Politik di Negara Kita

1

Kesatuan Melayu Muda

Dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob. Memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya.

2

Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya dengan slogan “Merdeka”.

3

Angkatan Pemuda Insaf

Pimpinan Ahmad Boestamam. Slogan “Merdeka dengan Darah” menyeru perjuangan dengan jalan terbuka secara lembut. Namun, perjuangan diteruskan melalui kekerasan jika terpaksa.

4

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Menentang penyerahan Sarawak kepada British. Menginginkan berkerajaan sendiri sebagaimana yang dijanjikan oleh Raja Brooke dalam Perlembagaan 1941.

5

Pergerakan Pemuda Melayu

Dipimpin oleh Mohamad Sirat Yaman, Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Rosli Dhoby. Rela berkorban demi mendapatkan kemerdekaan penuh Sarawak. Menubuhkan pakatan sulit Rukun 13.

6

United Malays National Organisation

Diketuai oleh Dato’ Onn Jaafar. Melalui slogan “Hidup Melayu”, berjuang menentang Malayan Union bagi memelihara *status quo* orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

7

Parti Kebangsaan Melayu Labuan

Dipimpin oleh Tengku Noordin dan Zakaria Gunn. Menuntut Sabah dimerdekakan daripada British.

8

Malayan Indian Congress

John Thivy bekerjasama dengan kaum lain dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

9

Hizbul Muslimin

Pimpinan Abu Bakar al-Baqir, Sheikh Fadhlulah Suhaimi dan Sheikh Abdullah Fahim. Matlamat mencapai kemerdekaan Tanah Melayu sebagai negara Islam.

10

Malayan Chinese Association

Diketuai oleh Tan Cheng Lock. Berusaha menyatukan orang Cina. Menjadikan Tanah Melayu yang berbilang kaum sebagai sebuah negara berdemokrasi penuh.

11

Parti Islam Se-Tanah Melayu

Pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi. Meneruskan idea negara Islam. Membina satu negara dan satu bangsa yang teguh dengan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan tunggal.

12

Independence of Malayan Party

Dato’ Onn Jaafar melaksanakan idea “Tanah Melayu untuk Malayan”. Selepas tahun 1949, pemikiran politik Dato’ Onn Jaafar terarah kepada perpaduan kebangsaan.